



Renungan Pagi dan Perkongsian Ilmu: “Lambaian Sukma di UTM.”

Pada 5 September 2021 Pejabat TNC (HEP) telah mengadakan Program Renungan Pagi. Program ini diadakan pada hari Rabu dan Ahad dan dijalankan secara dalam talian di medium Cisco Webex selama 1 jam bermula jam 8.00 pagi. Program ini dikendalikan oleh pengacara majlis, Puan Nuraine binti Abdul Manaf dan bacaan doa disampaikan oleh Encik Mohammed Nabil bin Mahamad. Program ini melibatkan semua staf di bawah Jabatan TNC (HEP).

Objektif program ini ialah untuk melancarkan penyampaian maklumat dan ilmu yang berbentuk perkongsian pengalaman dan memotivasikan staf. Pada sesi renungan pagi ini Encik Adib Bunyamin, Penolong Pegawai Tadbir, Unit Kebudayaan telah menyampaikan perkongsian ilmu bertajuk “Lambaian Sukma di UTM.”

Encik Adib telah menerangkan bahawa telah berhenti berkhidmat dari UTM pada 31 Ogos 2021 kerana telah mendapat tawaran kerja sebagai guru di Sekolah Menengah Sains, Kota Tinggi, Johor. Pada sesi ucapannya telah meluahkan perasaannya dengan berat hati untuk meninggalkan Unit Kebudayaan, kerana telah menganggap staf samada ketua atau pengarah di Jabatan TNC (HEP) sebagai keluarga. Encik Adib telah mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan kerana telah banyak memberi tunjuk ajar dalam urusan kerjanya. Encik Adib tetap akan memberi bantuan walaupun telah berpindah ke tempat yang baru dan memohon kepada rakan-rakan agar mendoakan dirinya supaya berjaya menjadi pendidik yang dapat melahirkan anak didik yang berjasa kepada bangsa dan negara.

Selama di Unit Kebudayaan, Encik Adib telah banyak menyumbang di unitnya dan memberi idea dalam penubuhan UTM Student Studio. Setinggi-tinggi terima kasih Jabatan TNC (HEP) ucapkan dan semoga Encik Adib berjaya dalam kerjaya yang baru sebagai pendidik.

Program ini diakhiri dengan bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW.

